



KENYATAAN MEDIA
SWM ENVIRONMENT SEMARAK SEMANGAT SAYANGI MALAYSIAKU

(Seremban, 20 Ogos 2019) Syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menyemarakkan semangat patriotisme dikalangan warga kerjanya dengan menghiasi 310 buah kenderaan dan jentera SWM serta memasangi 200 helai Jalur Gemilang di kawasan pejabat milik syarikat.

Bersempena majlis pelancaran pada hari ini, pihak syarikat turut melaksanakan pelancaran pelepasan kenderaan dan jentera milik syarikat SWM Environment iaitu lori kompaktor, *Ultra Whack Vacuum Cleaner*, *Water Jet*, lori terbuka dan *side-car* sebagai simbol sambutan bulan kemerdekaan yang bakal tiba.

“Bertepatan dengan tema pada tahun ini Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih, pihak syarikat sentiasa proaktif dalam mengusahakan kempen kesedaran awam pengurusan sisa pepejal yang berhemah dan sentiasa berganding bahu bersama-sama kerajaan pusat dan juga negeri dalam usaha mendidik orang ramai mengamalkan amalan kitar semula di peringkat negeri wilayah Selatan di samping mengurangkan janaan sisa pepejal ke tapak pelupusan,” kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat, SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Salah satu program yang dapat dinikmati oleh rakyat ialah program KITAR3cycle iaitu program pemberian mata ganjaran kepada ahli KITAR3cycle yang berdaftar. Sehingga kini hampir 2,500 orang telah berdaftar KITAR3cycle.

Rakyat juga berpeluang untuk bersama-sama bagi menjaga persekitaran lebih bersih dan mengamalkan kitar semula serta memupuk sayangi alam sekitar.

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari www.swm-environment.com bagi maklumat lanjut.

TAMAT



PROFAIL SYARIKAT SWM ENVIRONMENT

SWM Environment Sdn. Bhd. (“**SWM Environment**”) merupakan sebuah syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007 (Akta 672) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara menyeluruh, terancang, kos efektif dan berkesan melalui aplikasi teknologi tinggi dan mesra alam yang terkini demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan untuk berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih dari 5.1 juta orang bagi liputan geografi yang berkeluasan 27,560 kaki persegi.

Sila layari laman web: www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib
Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat,
SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)
(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168
(Faks) 06 – 601 4279